



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"TAMAK: SIFAT TERCELA - PENGAJARAN DARIPADA PEPERANGAN UHUD"

11 April 2025 / 12 Syawal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; mensyukuri setiap nikmat kurniaan Illahi serta menginsafi bahawa kematian pasti berlaku. Mudah-mudahan dipermudahkan perhitungan kita di hadapan Rabbul Jalil serta dihimpunkan kita dalam kalangan hamba Nya yang beriman. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: **"TAMAK: SIFAT TERCELA - PENGAJARAN DARIPADA PEPERANGAN UHUD"**

Firman Allah SWT, ayat 152 surah Ali-Imran:

...حَتَّىٰ إِذَا فُشِلْتُمْ وَتَنَزَّعْتُمْ فِي الْأُمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ مَّا تَحِبُّونَ^٤
مِّنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الْآخِرَةَ^٥...

Bermaksud:..."sehingga saat kamu berasa lemah (hilang semangat untuk meneruskan perjuangan) dan kamu berselisih pendapat dalam urusan (perang) itu, serta kamu pula menderhaka (melanggar perintah Rasulullah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu perkara yang kamu sukai (kemenangan dan harta rampasan perang). Dalam kalangan kamu ada yang menghendaki keuntungan dunia (semata-mata) dan ada yang menghendaki akhirat..."

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Tamak ialah sifat mazmumah – sifat tercela yang membawa kesan buruk dalam kehidupan. Kamus Dewan mentakrifkan, tamak adalah keinginan memiliki sesuatu tanpa batasan; keinginan berlebihan terhadap harta, pangkat, kedudukan atau kesenangan lalu sanggup melakukan apa sahaja bagi mencapai tujuan tanpa memikirkan kesan buruk kepada diri sendiri dan orang lain.

Pepatah Melayu bermadah “Orang tamak selalu rugi” dan “Yang dikejar tidak dapat yang dikendong berciciran”, menggambarkan keadaan seseorang yang tamak haloba – bernafsu serakah mengejar kemahuan secara berlebihan tanpa menyedari kerugian yang menanti. Sifat tamak akan menjerumuskan seseorang melakukan perbuatan keji seperti menipu, menyeleweng, merasuah, hatta ke peringkat berlaku zalim. Rasulullah SAW menyebut perihal keburukan sifat tamak melalui hadis:

مَا ذُبَّانٍ جَائِعَانِ أُرْسِلَا فِي غَنَمٍ بِأَفْسَدَ لَهَا مِنْ حِرْصِ الْمَرْءِ عَلَى الْمَالِ وَالشَّرَفِ
لِدِينِهِ

Bermaksud: “Tidaklah dua ekor serigala yang lapar dikirimkan pada seekor kambing itu lebih berbahaya daripada sifat tamak seseorang pada harta dan kedudukan terhadap agamanya.” (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Tamak ialah penyakit hati yang didorong oleh beberapa perkara, antaranya kurang didikan agama, terlalu mencintai dunia serta terlalu menuruti hawa nafsu, tidak mengambil berat soal pembersihan hati dan tidak mengutamakan kehidupan akhirat. Oleh itu, penyakit tamak perlu dibendung dan dijauhi bagi membolehkan kehidupan insan dilimpahi naungan rahmat Ilahi.

Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ilahi

Meskipun bulan Syawal ialah bulan yang disambut dengan kerian, kita juga harus memperingatkan diri akan peristiwa pahit yang berlaku dalam bulan Syawal tahun ketiga Hijrah; iaitu peristiwa kekalahan umat Islam dalam peperangan Uhud; peristiwa yang boleh dijadikan pengajaran dan wajib diambil iktibar. Ayat 152 surah Ali-Imran yang khatib baca pada awal khutbah,



menyebut mengenai kekalahan umat Islam dalam peperangan Uhud; antaranya disebabkan keingkaran pasukan pemanah kekal mengawal di atas bukit, seperti yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW, kerana mereka menjadi ghairah melihat *ghanimah* (harta rampasan perang) apabila tentera kafir berundur meninggalkan medan perang. Disebabkan keghairahan melihat harta rampasan perang, pasukan pemanah tersebut meninggalkan tempat mereka ditugaskan, bergegas turun ke lereng bukit, berebut untuk mendapatkan *ghanimah*. Tindakan tersebut membolehkan tentera kafir mengambil kesempatan berpatah balik, mengepung dan berjaya menewaskan tentera Islam.

Islam melarang sifat tamak kerana sifat tamak membawa kepada kekejian, antaranya:

Pertama: Mengakibatkan kerugian – sifat tamak boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke lembah kerugian seperti yang dialami oleh mereka yang terlibat dengan kegiatan judi atau skim cepat kaya atau menjadi mangsa penipuan pelaburan kerana terlalu ghairah inginkan kekayaan secara cepat, akhirnya mudah ditipu.

Kedua: Merosakkan hubungan kemasyarakatan – tamak menyebabkan terhakisnya iman seseorang hingga lahirnya perasaan iri hati dan hasad dengki yang tidak boleh menerima kejayaan orang lain; begitu juga menjadi punca pelbagai sifat tercela lain yang merosakkan hubungan kemasyarakatan, atau berkemungkinan membawa kepada perbuatan menipu, memfitnah, menindas, rasuah, bertindak kejam, menzalimi dan menganiaya orang lain kerana dipengaruhi sifat tamak yang hanya mementingkan diri sendiri.

Ketiga: Hilangnya sifat pemurah – sifat dermawan – tamak menyebabkan seseorang merasakan harta sedia ada tidak cukup, lalu bersifat bakhil, enggan bersedekah dan enggan berkongsi rezeki dengan orang lain.

Jemaah yang didoakan mendapat pengampunan Ilahi

Islam menggariskan beberapa panduan untuk menghindarkan diri daripada sifat tamak, antaranya:



Pertama: Mengingati hakikat kehidupan dunia hanya sementara – ilmu tasawuf mendidik hati agar meletakkan dunia di tapak tangan - bukan di hati; bermakna dunia perlu dijadikan ladang untuk bekalan akhirat, dan dunia jangan dijadikan matlamat hidup, menyebabkan ummah terhanyut oleh keuntungan dunia, mengejar harta, pangkat atau kedudukan hingga menggabai suruhan Ilahi.

Kedua: Bersyukur dengan nikmat Allah – Rasulullah SAW menganjurkan kita untuk senantiasa menginsafi diri dengan membandingkan taraf diri sendiri dengan mereka yang lebih rendah. Dengan itu kita akan lebih mensyukuri nikmat Allah SWT. Sesungguhnya orang yang senantiasa mengamalkan sifat bersyukur, insya-Allah akan ditambahkan lagi nikmat dan diluaskan lagi rezeki.

Ketiga: Memperbanyakkan sedekah dan infak – amalan menghulur derma kepada golongan kurang bernasib baik dan kalangan daif yang memerlukan, dapat mendidik hati supaya tidak terlalu cintakan harta, sekali gus menjauhkan diri daripada sifat tamak.

Keempat: Merasa cukup (*qana'ah*) – sifat merasa cukup mendorong kehidupan yang lebih bahagia. Orang-orang yang mengamalkan hidup secara sederhana, di samping bersyukur dengan kurniaan Ilahi, serta tidak membanding-bandingkan kehidupan mereka dengan mana-mana pihak, adalah insan yang dapat hidup dalam ketenangan dan kebahagiaan. Harta yang banyak dan pangkat yang tinggi, bukan ukuran kebahagiaan dan ketenangan hidup, namun kebahagiaan dan ketenangan hidup bakal dinikmati apabila kita senantiasa menghargai dan mensyukuri nikmat kurniaan Ilahi yang sedia dimiliki.

Sifat tamak mengundang kerugian serta membawa banyak kekejian dalam kehidupan manusia. Perbanyakkan berdoa kepada Allah SWT agar hati dan jiwa kita dijauhi daripada sifat tamak, di sebaliknya kita senantiasa mendapat panduan serta perlindungan daripada Allah SWT. Dengan mengamalkan sifat *qana'ah* dan syukur, insya-Allah seseorang insan akan dikurniakan keberkatan harta, kelapangan jiwa serta lebih dipandang mulia, berbanding sifat tamak yang dipenuhi sifat mazmumah yang dipandang hina oleh insan lain dan Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِثْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Zaki! Bimbing kami untuk menjadi sebaik-baik Mukmin, hamba yang sentiasa mengamalkan *qana'ah*, bersyukur atas setiap nikmat kurniaan Mu. Jauhi dan lindungi kami dari bersifat tamak – sifat yang membawa kekejian dalam hidup; sifat yang menjauhkan kami daripada mendapat rahmat Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel. **Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.